

14 AUG 2002

Hamid-Islam

UMNO PERLU KERJA KERAS TERANGKAN PERJUANGANNYA TEGAKKAN ISLAM

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Umno perlu bekerja keras membetulkan persepsi masyarakat Melayu mengenai Islam apabila banyak aspek mengenainya telah dipesongkan oleh kumpulan pembangkang yang lebih berminat untuk menggunakan agama sebagai modal politik.

Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman berkata kumpulan itu menggunakan masjid dan surau sebagai tempat menyampaikan tafsiran mereka mengenai Islam dalam perspektif yang sempit dan mengelirukan.

Beliau berkata anggota Umno perlu meningkatkan kegiatan dakwah untuk menerangkan kepada orang ramai bahawa perjuangan parti mereka adalah selaras dengan kehendak Islam yang menuntut supaya setiap pemerintah negara memiliki dua perkara utama iaitu menjaga agama dan politik dalam erti kata menyediakan kehidupan sempurna kepada rakyat.

"Bagi aspek jaga agama, kita usahakan dengan pelbagai program pendidikan, manakala aspek berpolitik pula merujuk kepada usaha mencari kehidupan yang sempurna, contohnya menghapuskan kebuluran dan huru-hara," katanya.

"Dua perkara ini adalah mengikut suruhan Al-Quran. Tapi PAS bertindak menutup aspek ini supaya ia tidak difahami sebagai kehendak Islam," katanya pada persidangan media selepas mempengerusikan program Perbincangan Tidak Formal mengenai Islam di Bilik Labuan, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Perbincangan anjuran Umno itu disertai kira-kira 20 orang cendekiawan, ulama serta pemimpin pertubuhan Islam dari luar negara yang menjadi peserta "Dialog Mahathir Mengenai Kemajuan Ummah." Mereka dijangka mengadakan dialog dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Cyberjaya malam ini.

Dr Abdul Hamid berkata kumpulan cendekiawan itu telah diberikan penerangan mengenai keadaan ummah di Malaysia supaya buah fikiran serta rumusan hasil perbincangan mereka dapat dijadikan panduan kepada Umno untuk menyatupadukan umat Islam di negara ini.

Beliau berkata beberapa peserta perbincangan itu merumuskan bahawa masalah dominasi oleh para pembangkang ke atas institusi masjid dan surau berlaku di kebanyakan negara Islam yang lain.

"Kita di sini juga mengambil sikap 'take for granted' sehingga kita sedar sejak akhir-akhir ini bahawa tempat inilah yang sukar kita nak masuk, nak terangkan mengenai perjuangan Umno untuk Islam," katanya.

Menurutnya jika perkara itu dapat diterangkan oleh anggota Umno dan difahami oleh rakyat maka ia akan memberikan "political credit" kepada parti itu.

Dr Abdul Hamid berkata Umno sudah melaksanakan Program Taqarub sejak enam bulan lepas yang menghendaki Anggota Dewan Undangan Negeri dari Umno mengadakan majlis perhimpunan dakwah di kawasanya enam kali seminggu untuk memberi penerangan mengenai perjuangan Umno untuk Islam.

Sementara itu, Setiausaha Agung Kesatuan Pertubuhan Islam Perancis Dr Fouad Alaoui, semasa sesi itu berkata perpaduan di kalangan umat Islam boleh dimajukan hanya jika mereka dapat memahami ajaran Islam.

"Memahami Islam ialah mengenalinya, mencintainya dan berkhidmat untuknya. Seseorang tidak boleh berdiri tanpa yang lain. Kita tidak boleh berkhidmat untuk Islam jika kita tidak mengenali Islam atau tidak mencintainya, atau kita tidak boleh mencintai Islam jika kita tidak tahu

apa-apa tentangnya," kata beliau.

Dr Yahya Khairy Abdul Rahman, dari Majlis Islam California Selatan berkata semasa sesi itu bahawa pemimpin Islam perlu rapat dengan masyarakat dan mengetahui keperluan rakyat.

Beliau mencadangkan agar Malaysia menghantar lebih banyak penuntut ke universiti-universiti Islam di seluruh dunia dan setelah mereka kembali, menugaskan mereka ke peringkat bawah untuk menjadi sebahagian daripada masyarakatnya.

-- BERNAMA

AZH ZS NMO